



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	28/6/2021	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	PERHILITAN			

Penjara, denda RM50,000 jika zalimi haiwan liar

KUALA LUMPUR- Membunuh, meracun atau menyebabkan penderitaan terhadap haiwan liar merupakan perbuatan jenayah yang boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 dan penjara satu tahun jika sabit kesalahan.

Presiden Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia (SAFM), R. Kalai berkata, justeru orang ramai diingatkan bahawa segala urusan berkaitan kes kacau-ganggu hidupan liar adalah melibatkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

"Mana-mana pelaku yang terangkap akan disabitkan di bawah

Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 Seksyen 86.

SAFM memandang perbuatan mendera haiwan liar ini sebagai satu tindakan yang zalim," tegasnya mengulas kejadian sekumpulan monyet mati di Pangsapuri Sun Moon City di Paya Terubong, Pulau Pinang, pada Ahad.

Dalam insiden tersebut sembilan ekor monyet didapati telah dan hampir mati akibat diberi makan roti beracun oleh individu yang tidak dikenali.

Insiden tersebut disedari oleh seorang pemberi makan haiwan yang kerap memberi makanan ke-

pada kumpulan monyet itu.

Mengulas lanjut mengenai insiden tersebut, Kalai mendesak agar Perhilitan mengambil tindakan sewajarnya sebelum insiden yang sama bakal berulang yang akan memberi kesan kepada monyet-monyet lain kelak.

Tambah Kalai, satu laporan polis telah dibuat berhubung insiden tersebut malah pihak Perhilitan juga sudah mengambil bangkai monyet tersebut sebagai sampel.

"Saksi kejadian diminta tampil untuk membantu dengan menghubungi jabatan tersebut pada kadar segera," katanya.



Sekumpulan monyet yang disangka diracun sehingga mati di Pangsapuri Sun Moon City di Paya Terubong, Pulau Pinang.